

Dasar Landskap Negara siap akhir tahun

UM - 10/7/2006

KUALA LUMPUR 9 Julai - Dasar Landskap Negara sebagai panduan bagi hala tuju pembangunan landskap negara ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020 dijangka siap akhir tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dasar itu melibatkan aspek sosiobudaya, alam sekitar dan ekonomi yang bertindak sebagai pemacu ke arah pencapaian persekitaran hidup yang lebih berkualiti, pembangunan yang mampan dan pembentukan identiti landskap Malaysia yang kukuh dan unik.

"Adalah menjadi harapan kerajaan agar dasar tersebut dapat menggariskan pendekatan yang lebih rasional dalam usaha memelihara keindahan alam semula jadi serta melindungi sumber landskap sebagai warisan dan keindahan negara yang berharga untuk generasi kini dan akan datang.

"Di samping itu, usaha membudayakan landskap sebagai amalan dan gaya hidup masyarakat Malaysia dijangka akan tercapai apabila penggubalan dasar tersebut siap akhir tahun ini atau paling lewat awal tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia 2006 (Laman 2006) di Taman Tasik Perdana hari ini.

Menurut Najib, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar sememangnya diberi penekanan bagi memastikan keseimbangan optimum antara ke-

perluan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

"Selaras dengan itu, pembangunan landskap negara akan terus dirancang dengan teliti iaitu memberi tumpuan kepada penghijauan bandar, pembangunan taman awam dan rekreasi termasuk usaha pemuliharaan dan pengekalan aset semula jadi," katanya.

Najib turut menjelaskan bahawa untuk menjadikan Malaysia negara maju, bersih dan terindah, usaha akan terus diambil oleh kerajaan ke arah pembangunan landskap yang berkualiti.

"Perancangan taman-taman awam dan kawasan landskap akan direka bentuk bagi memastikan ia mudah disenggara, mampan, menarik dan mudah digunakan oleh orang awam termasuk warga tua dan yang kurang berupaya," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga memberitahu sekiranya ada pihak yang tidak bertanggungjawab menjejaskan kepentingan awam dan mengeksploitasi alam semula jadi, penguatkuasaan yang tegas akan diambil.

"Saya tidak mahu akibat kerakusan itu, maka berlakulah tanah runtuh, banjir kilat, pencemaran udara dan ketidakstabilan ekosistem di kawasan berkenaan," katanya.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, bagi mengatasi fenomena ini, perancangan sesuatu kawasan pembangunan haruslah dilakukan dengan bijaksana iaitu alam binaan fizikal dan alam semula jadi harus ditadbir secara lebih seimbang dan mampan.

Sementara itu, menurutnya,



NAJIB Tun Razak tertarik melihat landskap pelbagai spesies bunga ketika melawat Laman MBJB yang memenangi Anugerah Laman Oasis of Beauty pada majlis perasmian Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia 2006 di Tasik Perdana, Kuala Lumpur, semalam.

penganjuran Laman 2006 yang berlangsung daripada 6 hingga 16 Julai itu merupakan usaha kreatif kerajaan untuk mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menghargai dan mengekalkan keindahan negara.

"Selain itu, ia juga penting bagi menjana perkembangan industri pelancongan yang boleh menyumbang kepada ekonomi ne-

gara.

"Kejayaan penganjur mendapatkan lebih daripada 200 peserta pameran, dengan jangkakan lebih setengah juta pengunjung, merupakan testimoni kejayaan Laman 2006 sebagai pameran landskap dan taman berprestij di rantau ini," katanya.

Pada majlis tersebut, Majlis Perbandaran-Perbandaran Ne-

geri Johor telah memenangi Anugerah Laman Wadi Keindahan iaitu landskap yang terbaik.

Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Timbalannya, Datuk Azizah Mohd. Dun; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ruslin Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah.

PERDANA LEADERS FOUNDATION
TAYAS
ESTIMU
PERDANA